

# PM bawa lembaran baharu Malaysia, Palestin ke AS

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**  
juani.bakar@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Ketibaan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke San Francisco, Amerika Syarikat (AS) semalam bersempena Mesyuarat Pemimpin Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) ke-30 dijangka membawa lembaran baharu bukan sahaja untuk masa depan Malaysia tetapi juga kepada nasib rakyat Palestin.

Anwar berkata, ruang ke mesyuarat itu akan digunakan beliau untuk menentengkan keadaan serta penderitaan yang menimpa warga Palestin pada saat ini selain meraih dukungan global, memperhebat usaha mempermudah akses dan bantuan kemanusiaan serta penyelesaian yang adil.

Katanya, beliau juga menekankan komitmen Malaysia ke arah memperkukuh kerjasama ekonomi, memantapkan kemakmuran ekonomi serta memupuk pembangunan yang saksama dan inklusif buat semua.

“Ia juga merupakan peluang terbaik negara untuk menyatakan perspektif Malaysia mengenai kedudukan ekonomi global semasa dan mendengar serta memberi pandangan



**ANWAR Ibrahim dan Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail selamat tiba di di Lapangan Terbang Antarabangsa San Francisco, California, Amerika Syarikat. - FACEBOOK ANWAR IBRAHIM**

mengenai isu-isu serantau yang mendesak dengan Ketua-ketua Pegawai Eksekutif yang berpengaruh, usahawan-usahawan dan para pemimpin APEC.

“Selain APEC, saya juga dijadualkan menyampaikan pidato umum berjudul *Superpower Rivalry and Rising Tensions in the Asia-Pacific The View from Southeast Asia* di Universiti California, Berkeley. Insya-Allah, saya akan lakukan yang terbaik buat negara dan

rakyat,” katanya dalam Facebook beliau.

Terdahulu, pesawat membawa Anwar bagi mesyuarat APEC pertamanya sebagai ketua kerajaan mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa San Francisco, California, pada 9.37 malam (1.37 tengah hari waktu Malaysia semalam).

Semalam, Pejabat Perdana Menteri dalam kenyataan memaklumkan, sepanjang penglibatan Perdana Menteri dengan

para pemimpin Ekonomi APEC dan di pelbagai platform pelbagai hala dan dua hala, beliau berhasrat menentengkan situasi Palestin untuk meraih sokongan global, akses kemanusiaan dan penyelesaian yang adil.

Selain hadir Sidang APEC, Perdana Menteri juga akan menyertai Dialog Tidak Rasmi Pemimpin Ekonomi APEC bersama tetamu iaitu pemimpin Colombia, Fiji dan India.